

## DWIKERAKYATAN DALAM KOMANWEL DI PERSEKUTUAN TANAH MELAYU: ANTARA PERSOALAN KESETIAAN DAN PERSOALAN PRINSIP

*DUAL CITIZENSHIP WITHIN THE COMMONWEALTH IN  
THE FEDERATION OF MALAYA: THE ISSUES OF LOYALTY AND PRINCIPLE*

Low Choo Chin\*

Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh (PPPJJ),  
Universiti Sains Malaysia (USM), Malaysia

### Abstrak

Semasa proses dekolonisasi Persekutuan Tanah Melayu, kerajaan Perikatan dan kerajaan kolonial British masing-masing menuntut kesetiaan daripada rakyat British yang menetap di Persekutuan. Kerajaan Perikatan melihat dwikerakyatan sebagai persoalan kesetiaan dan tidak menerima dwikesetiaan bagi rakyat Persekutuan selepas Hari Merdeka. Pembentukan sebuah negara baru yang berdaulat memerlukan kesetiaan yang tidak berbelah bahagi daripada rakyat Persekutuan. Bagaimanapun, pihak kolonial British melihat dwikerakyatan sebagai persoalan prinsip, iaitu rakyat British yang menetap di Persekutuan sebelum Hari Merdeka tidak wajar ditarik balik status kerakyatan British mereka. Pihak British ingin memastikan supaya penduduk di bekas tanah jajahan mengekalkan status kerakyatan British mereka selepas memperoleh kerakyatan Persekutuan di bawah perlembagaan negara yang merdeka. Artikel ini menunjukkan bahawa walaupun rakyat British dibenarkan untuk mengekalkan status mereka bersama-sama dengan kerakyatan Persekutuan dalam perlembagaan 1957, status dwikerakyatan Komanwel ini tidak kekal lama. Selepas pencapaian kemerdekaan, kerajaan Persekutuan telahpun mengehadkan hak-hak yang boleh digunakan oleh golongan dwirakyat ini melalui pindaan perlembagaan 1962 dan 1976. Oleh itu, status dwikerakyatan dalam Komanwel tidak lagi mempunyai kepentingan perundangan walaupun ia kekal dalam Perlembagaan Persekutuan.

**Kata Kunci:** Dekolonisasi, Dwikerakyatan, Kerakyatan Komanwel, Parti Perikatan, Suruhanjaya Perlembagaan Reid

### Abstract

*During the decolonization of the Federation of Malaya, both the Alliance government and the British colonial government claimed the loyalty of the British citizens residing in the Federation. The Alliance Government perceived dual citizenship as a question of loyalty and did not accept dual loyalty for Federal citizens after Independence Day (Merdeka Day). The formation of a sovereign nation state required the undivided loyalty of the Federal citizens. However, the British colonial government viewed dual citizenship as a matter of principle, in which British citizens residing in the Federation before Merdeka Day, should not be deprived of their British citizenship status. The British wanted to ensure that British subjects residing in their former colonies retained their British citizenship status after obtaining Federal citizenship under the national constitution of the new nation-state. This article shows that although British citizens were allowed to maintain their status along with the Federal citizenship under the 1957 constitution, the status of dual citizenship within Commonwealth did not last long. After national independence, the Federal Government has gradually restricted the rights of these dual citizens through constitutional amendments in*

1962 and 1976. Thus, the status of dual citizenship within the Commonwealth no longer has any legal significance even if the provision remains in the Federal Constitution.

**Keywords:** Decolonisation, Dual citizenship, Commonwealth citizenship, Alliance Party, Reid Constitutional Commission

## Pengenalan

Pada 1957, Persekutuan Tanah Melayu menjadi ahli Pertubuhan Negara-negara Komanwel. Perubahan status perundangan tersebut membawa kesan yang mendalam terhadap status kerakyatan penduduk di Negeri-negeri Selat dan Negeri-negeri Melayu. Negeri-negeri Melayu pula bukan lagi merupakan Negeri-negeri Naungan British dan penduduknya tidak lagi merupakan ‘British Protected Person’. Negeri-negeri Selat iaitu Pulau Pinang dan Melaka bukan lagi merupakan sebahagian daripada tanah jajahan British dan penduduknya tidak lagi tertakluk kepada perundangan kewarganegaraan British selepas Hari Merdeka. Kelahiran di Pulau Pinang dan Melaka pada dan selepas 31 Ogos 1957 tidak lagi melayakkan penduduknya memperolehi status ‘Citizens of the United Kingdom and Colonies’ (CUKC).<sup>1</sup> Namun, mereka yang telahpun memperolehi status CUKC sebelum Hari Merdeka dibenarkan untuk terus mengekalkan status CUKC bersama dengan status kerakyatan Persekutuan.<sup>2</sup>

Isu dwikerakyatan bagi rakyat British merupakan parkara yang menimbulkan kemelutan kepada kerajaan Perikatan dan kerajaan United Kingdom (UK) menjelang rundingan kemerdekaan. Menurut konsep ‘dwikerakyatan dalam Komanwel’, seseorang boleh menjadi rakyat negara Komanwel dan juga CUKC pada masa yang sama. Undang-undang kewarganegaraan British dan beberapa negara Komanwel yang lain membenarkan rakyat negara Komanwel menjadi rakyatnya tanpa perlu melepaskan kerakyatan yang asal.<sup>3</sup> Menurut Joseph Fernando, persoalan kesetiaan menjadi punca perdebatan antara kerajaan Perikatan dan British semasa proses dekolonialisasi Persekutuan Tanah Melayu kerana kerajaan Perikatan melihatnya sebagai persoalan kesetiaan manakala kerajaan British melihatnya sebagai persoalan prinsip bahawa rakyat Persekutuan tidak patut dilucutkan hak yang mereka nikmati sebelum ini.<sup>4</sup>

Kertas ini membincangkan bagaimana parti Perikatan dan pihak British mencapai kompromi untuk menyelesaikan isu dwikerakyatan semasa rundingan kemerdekaan. Bagaimakah proses dekolonialisasi mempengaruhi status rakyat British di Persekutuan? Bagaimakah kedua-dua kerajaan Perikatan dan British menyelesaikan isu dwikerakyatan dalam Komanwel? Apakah kesan perundangan kewarganegaraan British terhadap status penduduk di Persekutuan? Apakah kesan pindaan perlombagaan 1962 dan 1976 terhadap dasar kerakyatan Persekutuan? Perbincangan dalam kertas ini menunjukkan bahawa kerajaan Perikatan berjaya mempertahankan prinsip satu kerakyatan sungguhpun dwikerakyatan Komanwel diaplifikasikan dalam perlombagaan. Secara teorinya, CUKC dibenarkan untuk mengekalkan status mereka bersama-sama dengan kerakyatan Persekutuan. Namun secara praktiknya, status CUKC hanya kekal sebagai simbolik semata-mata.

Bahagian pertama kertas ini melihat kepada status penduduk di Persekutuan Tanah Melayu di bawah Akta Kewarganegaraan British (BNA) 1948. Bahagian kedua meneliti pendirian kerajaan United Kingdom dan kerajaan Perikatan melalui memorandum mereka kepada Suruhanjaya Reid. Bahagian ketiga mengkaji penubuhan satu Jawatankuasa Kerja Politik Perikatan untuk mengkaji Laporan Reid apabila laporan Suruhanjaya Reid tidak

memenuhi aspirasi dasar satu kerakyatan kerajaan Perikatan. Bahagian keempat meneliti pindaan-pindaan perlembagaan pada 1962 dan 1973 yang telah mengehadkan hak kerakyatan yang boleh dinikmati oleh rakyat Malaysia sebagai rakyat Komanwel di negara-negara Komanwel. Bahagian terakhir melihat implikasi pindaan Akta Kewarganegaraan British pada 1981 dan 2002 terhadap status rakyat British dan keturunan mereka di Persekutuan. Penulisan ini adalah berdasarkan sumber pertama seperti memorandum kerajaan United Kingdom, minit mesyuarat Parti Perikatan, laporan Suruhanjaya Reid, laporan perdebatan parlimen, dan dokumen perlembagaan 1957.

### **Akta Kewarganegaraan British dan Dwikerakyatan dalam Komanwel**

Persoalan dwikerakyatan mempengaruhi rakyat British di Negeri-negeri Selat yang ingin mengekalkan dwistatus mereka sebagai rakyat Persekutuan dan CUKC. Untuk meneliti hubungan antara kerakyatan Komanwel dengan Persekutuan Tanah Melayu, adalah perlu untuk memahami konsep kerakyatan umum British dan aplikasinya di wilayah tanah jajahan British. Selepas Perang Dunia Kedua, status penduduk di Persekutuan Tanah Melayu ditentukan oleh Akta Kewarganegaraan British (BNA) 1948 yang berkuat kuasa pada 1 Januari 1949. Sebelum 1 Januari 1949, kelahiran di koloni British (Borneo Utara, Sarawak, Melaka, Pulau Pinang dan Singapura) mendapat status rakyat British. Mulai tarikh ini, kelahiran di koloni tersebut mendapat status ‘Citizens of the United Kingdom and Colonies’ (CUKC).<sup>5</sup> BNA 1948 juga memberikan status kerakyatan Komanwel kepada setiap CUKC di Borneo Utara, Sarawak, Melaka, Pulau Pinang dan Singapura. Hal ini kerana seseorang boleh menjadi rakyat Komanwel dengan hanya menjadi rakyat sebuah negara Komanwel.<sup>6</sup>

Perundangan Kewarganegaraan British pada umumnya menggalakkan malahan mengiktiraf dwikerakyatan. Kewarganegaraan British tidak hilang secara automatik dengan pemerolehan kerakyatan lain.<sup>7</sup> BNA 1948 membenarkan dwikerakyatan bagi CUKC yang telah memperolehi kerakyatan asing.<sup>8</sup> Peruntukan BNA yang membenarkan dwikerakyatan telah menjadi satu persoalan utama semasa bekas tanah jajahan British mencapai kemerdekaan. Secara prinsipnya, kerajaan UK menggalakkan dwikerakyatan dalam Komanwel: ‘It is firmly established that the United Kingdom pointedly encouraged duality of Commonwealth citizenship.’<sup>9</sup> Kebanyakan penduduk di bekas tanah jajahan British ingin menjadi rakyat negara baru tanpa melepaskan hubungan dengan UK. Perundangan UK pula membenarkan mereka menjadi rakyat kedua-dua negara, sejajar dengan konsep dwikerakyatan dalam Komanwel.<sup>10</sup>

Kerakyatan Komanwel diasaskan kerajaan kerajaan UK melihat perlunya untuk meluaskan sistem kerakyatan umum untuk merangkumi seluruh Komanwel. Ia merupakan suatu status umum yang dikongsi oleh rakyat bekas negara jajahan British. Sebelum Perang Dunia Kedua, telahpun wujud sistem kerakyatan umum British. Di bawah ‘British Nationality and Status of Aliens Act’ 1914, semua yang dilahirkan di dalam Tanah Jajahan Mahkota British merupakan rakyat British yang memberikan kesetiaan kepada Raja England.<sup>11</sup> Selepas Perang Dunia Kedua, British ingin mengekalkan status umum tersebut dalam kalangan negara bekas jajahannya. Apabila koloni British diberikan kemerdekaan dan kuasa perundangan untuk merangka perkara kerakyatan, UK terpaksa berhadapan dengan dua cabaran yang berbeza: pengekalan status kerakyatan umum dan pembentukan negara bangsa baru. Proses dekolonialisasi memerlukan pembentukan satu formula baru yang menghubungkan negara bangsa baru dengan bekas kuasa kolonial British.<sup>12</sup> Untuk memenuhi tujuan tersebut, UK telah membentuk satu definisi kerakyatan yang merangkumi ‘Britons’ dan subjek kolonial di bawah satu bumbung kerakyatan. Kedua-dua kategori ini merupakan CUKC

dengan hak kerakyatan penuh di UK. Status kerakyatan Komanwel ini digariskan dalam British Nationality Act (BNA) 1948.<sup>13</sup> Akta ini telah mewujudkan konsep kerakyatan Komanwel dan konsep dwikerakyatan dalam Komanwel. Rakyat British dan semua orang yang dilahirkan di United Kingdom atau mana-mana koloni British akan memiliki status CUKC (yang secara automatiknya juga menjadi rakyat Komanwel).<sup>14</sup>

Menjelang kemerdekaan, penduduk yang menetap di Persekutuan Tanah Melayu merupakan CUKC sekiranya mereka (atau bapa mereka) dilahirkan di United Kingdom, Negeri-negeri Selat atau koloni British yang lain. Sekiranya mereka (atau bapa mereka) dilahirkan di British India atau Ceylon dan tidak menjadi rakyat India, Pakistan dan Ceylon, golongan ini juga mempunyai status CUKC. Sebenarnya rakyat British bukan sahaja terdapat di Negeri-negeri Selat. Sejak pembentukan Persekutuan Tanah Melayu pada 1948, rakyat British yang merupakan rakyat Persekutuan tidak terbatas kepada mereka yang dilahirkan di Pulau Pinang dan Melaka sahaja. Di bawah Akta Kewarganegaraan British, seorang yang dilahirkan di Negeri-negeri Melayu yang bapanya merupakan rakyat British secara kelahiran, juga merupakan rakyat British melalui kelahiran dan dengan itu mewariskan kewarganegaraan British kepada keturunannya. Tambahan pula, terdapat migrasi besar-besaran penduduk dari Negeri-Negeri Selat ke Negeri-Negeri Melayu. Oleh itu, ramai rakyat Raja Melayu juga merupakan rakyat Ratu England, walaupun ramai di antara mereka tidak mengetahuinya.<sup>15</sup>

Pencapaian kemerdekaan melibatkan perkara perlembagaan dan kewarganegaraan yang kompleks memandangkan entiti politik Persekutuan terdiri daripada sembilan negeri naungan British, yang setiap satunya mempunyai kedaulatan sendiri, bersama-sama dengan dua koloni British.<sup>16</sup> Kedudukan perlembagaan Negeri-negeri Melayu adalah lebih mudah diselesaikan; mendapat kemerdekaan penuh melalui penghapusan perlindungan British. Sementara itu, status Pulau Pinang dan Melaka yang merupakan tanah jajahan Ratu England menimbulkan persoalan perlembagaan.<sup>17</sup> Terdapat tiga persoalan yang terlibat berkenaan dengan masa depan Negeri-negeri Selat selepas British memindahkan kedaulatannya kepada kerajaan Persekutuan: (1) Adakah hubungan langsung antara negeri-negeri itu dengan kerajaan British dikekalkan?; (2) Siapa yang akan menjadi ketua kerajaan negeri-negeri itu selepas merdeka? dan (3) Apakah status kerakyatan penduduk selepas Hari Merdeka?. Pesuruhjaya Tinggi British, Donald MacGillivray berpendapat kebanyakan rakyat UK yang setia di Pulau Pinang dan Melaka meletakkan kepercayaan kepada perlindungan British. Mereka akan kecewa sekiranya hubungan dengan kerajaan British akan ditamatkan.<sup>18</sup>

### **Suruhanjaya Reid dan Memorandum Kerajaan United Kingdom**

Kerajaan Perikatan yang mengetuai Misi Merdeka ke London antara Januari dan Februari 1956 bersetuju bahawa Persekutuan akan mencapai kemerdekaan penuh dalam Komanwel menjelang Ogos 1957. Satu Suruhanjaya Perlembagaan Komanwel (Suruhanjaya Reid) telah dilantik untuk merangka perlembagaan Persekutuan supaya selaras dengan negara Komanwel yang lain.<sup>19</sup> Suruhanjaya Reid menerima perwakilan daripada CUKC di Negeri-Negeri Selat yang ingin mengekalkan status berkenaan di samping menjadi rakyat Persekutuan yang merdeka.<sup>20</sup> Dalam merangka perlembagaan Tanah Melayu yang merdeka, cadangan Suruhanjaya Reid perlu berdasarkan asas-asas yang dicapai dalam Rundingan London. Menurut Perkara (iv) dalam asas Rundingan London 1956, Suruhanjaya Reid dikehendaki mencadangkan satu kewarganegaraan umum bagi seluruh Persekutuan. Dalam persoalan dwikerakyatan, asas Rundingan London tidak menghalang Suruhanjaya Reid daripada mencadangkan dwikerakyatan bagi Persekutuan. Menurut asas persetujuan di Rundingan

London:

Two understandings were reached at the London Conference in relation to these terms of reference. First it was understood that nothing in the terms of reference proposed for the Constitutional Commission was to be taken as in any way prejudging the position of Her Majesty The Queen in relation to the Settlements of Penang and Malacca; and second, that sub-section (iv) of the term of reference was not to be taken as precluding the Commission from making recommendations which would allow British subjects or subjects of Their Highnesses the Rulers to retain their status as such after they had acquired the propose common nationality.<sup>21</sup>

Asas Rundingan London ini telah membuka jalan kepada cadangan kontroversi dwikerakyatan dalam Laporan Suruhanjaya Reid. Kerajaan UK berharap Suruhanjaya Reid dapat mencadangkan perlembagaan yang tidak memutuskan sepenuhnya hubungan antara Ratu England dengan Pulau Pinang dan Melaka. Dalam memorandum kerajaan UK kepada Suruhanjaya Reid mengenai status penduduk Melaka dan Pulau Pinang, dinyatakan bahawa

It would be very acceptable to Her Majesty's Government in the United Kingdom if the Commission having assessed and taken account of the sentiment in the Settlements thought it possible to recommend some arrangement whereby this link between the Crown and the Settlements would not be completely severed.<sup>22</sup>

Kerajaan UK menyatakan pendiriannya kepada Suruhanjaya Reid supaya penduduk Pulau Pinang dan Melaka yang merupakan CUKC tidak akan dihalang oleh undang-undang kerakyatan negara baru daripada menjadi atau kekal sebagai rakyat Persekutuan. Kerajaan UK tidak ingin melucutkan status CUKC mereka selepas merdeka memandangkan ia bertentangan dengan kehendak penduduk berkenaan<sup>23</sup> UK mencadangkan kepada Suruhanjaya Reid bahawa hanya CUKC sedia ada yang dibenarkan untuk mengekalkan status kerakyatan UK mereka. Status kerakyatan berkenaan tidak boleh diwarisi oleh keturunan CUKC di Persekutuan selepas merdeka. Dengan itu, statistik bilangan dwirakyat CUKC akan berkurangan pada masa depan.<sup>24</sup>

Seperti yang telah dipersetujui dalam Rundingan London, Persekutuan akan kekal dalam Komanwel. Kerajaan UK menegaskan betapa pentingnya undang-undang kerakyatan Persekutuan sejarar dengan skim kerakyatan Komanwel dan rakyat Persekutuan diiktiraf sebagai rakyat Komanwel.<sup>25</sup> Menurut kerajaan UK, CUKC boleh mengekalkan status kewarganegaraan British bersama-sama dengan kewarganegeraan Persekutuan selepas kemerdekaan. Bagi UK, dwikerakyatan tidak pernah menimbulkan kesulitan kerana ‘mengikut amalan negara-negara Komanwel, rakyat Persekutuan yang juga merupakan CUKC, melihat kepada kerajaan Persekutuan dan bukan United Kingdom untuk menjamin hak dan kepentingan domestiknya apabila meraka berada di Persekutuan.’<sup>26</sup>

Selain memorandum daripada kerajaan UK, Suruhanjaya Reid turut menerima memorandum daripada rakyat British yang ingin mengekalkan kerakyatan mereka. Persatuan Orang Cina Selat (Straits Chinese British Association) di Melaka dan Pulau Pinang mendesak supaya rakyat British dibenarkan mengekalkan status mereka selepas mereka mendapat

kerakyatan Persekutuan.<sup>27</sup> Orang Ceylon (yang diwakili oleh Persatuan Ceylon Melaka) juga menghantar memorandum untuk mengekalkan status rakyat British dan berpendapat kerakyatan Persekutuan menghalang mereka daripada menikmati hak mereka.<sup>28</sup> Golongan masyarakat Eropah turut mendesak supaya rakyat British dibenarkan mengekalkan kewarganegaraan British.<sup>29</sup> Rakyat British bimbang terhadap pemindahan kedaulatan British dan mendesak Suruhanjaya Reid supaya rakyat Persekutuan yang merdeka dibenarkan mempunyai kerakyatan Komanwel, yang akan membolehkan mereka mengekalkan hubungan dengan Britain, India, Ceylon dan negara Komanwel yang lain.<sup>30</sup> Menurut Donald MacGillivray, tuntutan penduduk Negeri-negeri Selat untuk mengekalkan status CUKC adalah munasabah memandangkan Persekutuan yang merdeka merupakan sebahagian daripada Komanwel British.<sup>31</sup>

### **Suruhanjaya Reid dan Memorandum Kerajaan Perikatan**

Dalam memorandum kepada Suruhanjaya Reid, parti Perikatan menyatakan bahawa kewarganegaraan British mesti ditamatkan dan digantikan dengan kewarganegaraan Persekutuan. Dalam persoalan kerakyatan, pemimpin-pemimpin Perikatan mempunyai pendapat yang sama.<sup>32</sup> Parti Perikatan menekankan bahawa ‘it is essential to have a nationality law which provide for a common nationality, to the exclusion of all others.’<sup>33</sup> Menurut memorandum parti Perikatan, mereka yang dilahirkan di Pulau Pinang dan Melaka sebelum tarikh kemerdekaan akan menjadi warganegara Persekutuan pada Hari Merdeka. Namun demikian, rakyat British perlu membuat pilihan antara dua kerakyatan. Status kerakyatan UK hanya boleh dikekalkan jika mereka melepaskan kewarganegaraan Persekutuan. Jika tiada pilihan dibuat dalam masa setahun selepas kemerdekaan, rakyat British yang menjadi warganegara Persekutuan akan hilang status kerakyatan British.<sup>34</sup>

Dalam perbincangan dengan kerajaan Perikatan, Suruhanjaya Reid yang terdiri daripada pakar perlembagaan Komanwel – Lord Reid (United Kingdom), Sir Ivor Jennings (United Kingdom), Sir William Mckell (Australia), B. Malik (India), dan Hakim Abdul Hamid (Pakistan) – tidak bersetuju dengan memorandum Perikatan mengenai kerakyatan Komanwel. Lord Reid menjelaskan bahawa mengikut prinsip kerakyatan Komanwel, semua rakyat Persekutuan akan menjadi rakyat Komanwel secara automatik. Mereka akan mempunyai dwistatus sebagai rakyat Persekutuan dan rakyat Komanwel. Di negara-negara Komanwel, rakyat Persekutuan sebagai rakyat Persekutuan tidak akan dianggap sebagai orang asing. Menurut Lord Reid: ‘I imagine you do not want to alter that rule under which whenever you go in the Commonwealth, you are not an alien, you are a Commonwealth citizens?’<sup>35</sup>

Rakyat negara Komanwel menikmati beberapa kelebihan. Mereka tidak dianggap sebagai orang asing di negara Komanwel yang lain. Rakyat Komanwel boleh memasuki UK, mengundi dan memohon kerakyatan UK secara pendaftaran setelah memenuhi syarat pemastautin. Syarat kerakyatan diper mudahkan untuk rakyat Komanwel. Berbeza dengan orang asing yang perlu mendapatkan kerakyatan UK secara naturalisasi, rakyat Komanwel memperolehnya melalui pendaftaran. Pendaftaran merupakan cara yang lebih mudah dan mereka hanya perlu memenuhi syarat mastautin 12 bulan (sebelum pindaan Akta Imigrasi Komanwel 1962) untuk layak kepada kerakyatan UK. Di negara UK, rakyat Komanwel diberikan hak mengundi dalam pilihanraya parlimen dan pilihanraya tempatan. Di luar UK, sekiranya seseorang rakyat Komanwel tidak mempunyai perwakilan diplomatik di negara asing, ia akan dilindungi oleh wakil kerajaan UK yang bertindak sebagai wakil kerajaan Komanwel tersebut.<sup>36</sup>

Ketua kerajaan Perikatan, Tunku Abdul Rahman telah menegaskan rakyat British di Pulau Pinang dan Melaka tidak boleh pada masa sama menjadi rakyat Persekutuan. Bagi Tunku, objektif pembentukan kewarganegaraan umum adalah untuk menyatukan rakyat di bawah satu kewarganegaraan dan kesetiaan rakyat perlu ditumpukan kepada Persekutuan sahaja. Dwistatus mengakibatkan hak tidak sama rata antara dwirakyat dengan rakyat Persekutuan yang hanya mempunyai satu kerakyatan sahaja. Sekiranya rakyat British di Pulau Pinang dan Melaka dapat menuntut hak kerakyatan British dan pada masa yang sama, menikmati hak sebagai rakyat Persekutuan, ia tidak adil kepada rakyat Persekutuan yang hanya menikmati satu kerakyatan.<sup>37</sup> Menurut Dato Abdul Razak Hussein, selepas merdeka, rakyat British yang ingin mengidentifikasi dengan kewarganegaraan Persekutuan Tanah Melayu mesti mengisyiharkan diri sebagai warganegara Persekutuan. Jika mereka ingin kekal sebagai rakyat British, mereka bukan lagi warganegara Persekutuan.<sup>38</sup>

Pendapat tersebut tidak dipersetujui oleh ahli-ahli Suruhanjaya Reid. Sir Ivor Jennings menunjukkan kecuali Ceylon, semua negara merdeka dalam Komanwel membenarkan rakyatnya mendapatkan kewarganegaraan negara itu tanpa perlu melepaskan kewarganegaraan negara Komanwel yang lain.<sup>39</sup> Hakim Abdul Hamid turut bersetuju supaya dwikerakyatan diteruskan setelah Persekutuan mencapai kemerdekaan kerana Akta Kewarganegaraan British 1948 membenarkan dwikerakyatan. Beliau melihat, CUKC yang menjadi rakyat Persekutuan tidak akan hilang kerakyatan UK kecuali Akta Kewarganegaraan British 1948 digubal untuk melucutkan rakyat Persekutuan daripada kerakyatan UK.<sup>40</sup> Walau bagaimanapun, Abdul Hamid mengatakan peruntukan ini hanyalah benar untuk mereka yang dilahirkan sebelum Hari Merdeka. Mereka yang dilahirkan di Pulau Pinang dan Melaka selepas Hari Merdeka tidak memperolehi status CUCK kerana mereka tidak lagi dilahirkan di koloni United Kingdom.<sup>41</sup>

Akta Kewarganegaraan British 1948, seperti yang dibincangkan di atas, berdasarkan prinsip dwikerakyatan yang sungguh liberal. Tetapi dwikerakyatan tidak diterima baik oleh kebanyakan bekas tanah jajahan yang baru mencapai kemerdekaan. Perlembagaan negara bekas tanah jajahan British sama menyekat dwikerakyatan secara menyeluruh ataupun cuba mengurangkan kes dwikerakyatan. Misalnya, Nigeria dan Sierra Leone menyekat dwikerakyatan berdasarkan kategori penduduk yang berbeza. Rakyat Nigeria misalnya, dilucutkan kerakyatan secara automatik sekiranya gagal melepaskan kerakyatan kedua mereka apabila mencapai umur majoriti. Di Sierra Leone, rakyat dewasa tertakluk kepada pelucutan sekiranya gagal melepaskan status kerakyatan kedua mereka dalam tempoh setahun selepas kemerdekaan. Perlu diberi perhatian bahawa, peruntukan di kedua-dua negara itu tidak digunakan atas rakyat Komanwel. Rakyat negara Komanwel boleh memiliki kerakyatan Nigeria atau Sierra Leone pada masa yang sama. Maka, kedua-dua negara ini digambarkan sebagai mempraktikkan dwikerakyatan secara ‘partial prohibition.’ Sementara itu, perlembagaan Australia dan Kanada walaupun tidak secara langsung menghalang dwistatus, mempunyai peruntukan untuk mengurangkan dwikerakyatan. Negara-negara tersebut mempraktikkan pelucutan kerakyatan automatik kepada rakyat mereka di seberang laut yang memperolehi kerakyatan lain (kecuali melalui perkahwinan). India pula mengaplikasikan prinsip satu kerakyatan dengan lebih ketat, iaitu pelucutan kerakyatan secara automatik sebagai respon kepada pemerolehan status kerakyatan lain tidak kira di mana dan bagaimana kerakyatan negara asing itu diperolehi.<sup>42</sup>

Kerakyatan merupakan bidang kuasa eksklusif sesebuah negara. Sebuah negara yang berdaulat bebas menentukan siapakah yang layak menjadi rakyatnya. Dalam hal ini, negara bangsa berhak menentukan kriteria pemerolehan dan kehilangan taraf kerakyatan.<sup>43</sup> Undang-

undang antarabangsa adalah neutral dalam persoalan dwikerakyatan. Dasar sama ada dwikerakyatan dibenarkan atau tidak dalam sesebuah negara tertakluk kepada bidang kuasa negara berkenaan.<sup>44</sup> Hak negara yang merdeka dalam aspek kerakyatan juga diiktiraf oleh UK semasa penggubalan BNA 1948. Dalam skim kerakyatan Komanwel, setiap negara Komanwel berhak menentukan syarat-syarat kerakyatan tempatan yang seterusnya menjadi pintu masuk kepada kerakyatan umum British iaitu kerakyatan Komanwel.<sup>45</sup> Sebagai negara bekas taklukan British, Persekutuan mempunyai kebebasan untuk menentukan syarat kerakyatan – sama ada untuk mengikut model negara Komanwel yang lain.

### **Konsensus tanpa Persetujuan: Laporan Reid Mengiktiraf Dwikerakyatan**

Laporan Reid mencadangkan supaya Perlembagaan Persekutuan mengiktiraf status kerakyatan Komanwel dan setiap rakyat Persekutuan juga berstatus rakyat Komanwel. CUKC dan rakyat negara Komanwel yang lain tidak perlu melepaskan kerakyatan tersebut sebagai syarat untuk mendapatkan kerakyatan Persekutuan. Dengan erti kata lain, dwikerakyatan dibenarkan dalam Komanwel.<sup>46</sup> Melalui pengiktirafan kerakyatan Komanwel, CUKC di Pulau Pinang dan Melaka dapat mengekalkan kerakyatan UK dalam Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka. Suruhanjaya Reid tidak bersetuju bahawa dwikerakyatan dalam Komanwel akan membawa kepada kesetiaan berbelah bahagi. Jika rakyat Persekutuan yang juga merupakan CUKC menetap di Persekutuan, kerajaan UK tidak sepatutnya memberikan perlindungan diplomatik dan pasport kepadanya. Kerajaan Persekutuan juga tidak boleh berbuat demikian jika rakyat yang memiliki dwikerakyatan itu menetap di UK atau di salah satu koloninya.

It has been represented to us that dual citizenship within the Commonwealth is undesirable in that it may lead to divided loyalty. We do not agree and we think that this view is based on some misunderstanding. It is well recognised in International Law and custom that a person who has dual citizenship owes undivided loyalty to the country in which he is residing, and that the Government of the other country of which he is also a citizen should not seek to interfere between him and the Government of the country in which he is residing.<sup>47</sup>

Berbeza dengan versi Perikatan, Laporan Reid tidak mewajibkan rakyat CUKC dan rakyat negara-negara Komanwel untuk melepaskan kerakyatan asal mereka sebagai syarat menjadi rakyat Persekutuan. Syarat pelepasan kerakyatan akan menimbulkan kesulitan dalam tiga aspek. Pertama, di bawah undang-undang UK, seseorang rakyat tidak dibenarkan melepaskan kerakyatannya kecuali dia telahpun memiliki kerakyatan yang lain. Kedua, adalah tidak mungkin untuk melucutkan status CUKC daripada semua penduduk Persekutuan. Ketiga, terdapat ramai CUKC di Persekutuan yang tidak mengetahui status kerakyatan British mereka.<sup>48</sup>

Laporan Suruhanjaya Reid yang diterbitkan pada 20 Februari 1957 telah menerima hampir semua usul dalam memorandum Perikatan mengenai kerakyatan, kecuali persoalan dwikerakyatan dalam Komanwel.<sup>49</sup> Secara prinsipnya, ahli-ahli Suruhanjaya Reid mencapai kata sepakat atas prinsip dwikerakyatan dalam Komanwel. Namun demikian, terdapat perselisihan pendapat antara ahli-ahli Suruhanjaya Reid berkenaan dengan layanan istimewa untuk CUKC kelahiran Persekutuan dalam pemerolehan kerakyatan. Menurut Perjanjian Persekutuan 1948, CUKC yang dilahirkan di Persekutuan berhak mendaftar sebagai rakyat Persekutuan sekiranya mereka bermastautin lima tahun sedangkan pemohon lain yang

dilahirkan di Persekutuan perlu memenuhi syarat-syarat lain seperti tempoh bermastatutin yang lebih panjang dan juga syarat bahasa. Menurut Hakim Abdul Hamid dalam ‘Note of dissent’, penerusan peruntukan tersebut dalam Laporan Reid akan terus memberi kelebihan kepada golongan CUKC berkenaan yang tidak dinikmati oleh golongan lain. Abdul Hamid berpendapat tiada justifikasi untuknya.<sup>50</sup>

Sepertimana yang diharapkan, cadangan dwikerakyatan dalam Laporan Reid telah memenuhi tuntutan kerajaan British dan aspirasi penduduk di Pulau Pinang dan Melaka. Setiausaha Negara Tanah Jajahan British, Lennox-Boyd melihat Laporan Reid yang berkaitan Pulau Pinang dan Melaka sebagai suatu cadangan yang positif kerana membenarkan kerakyatan UK dikekalkan tanpa kehilangan kerakyatan Persekutuan.<sup>51</sup> Laporan Reid telah menjamin hak penduduk Pulau Pinang dan Melaka yang merupakan tanggungjawab Ratu England. Penduduk di situ tidak perlu berdepan dengan pilihan sama ada untuk menyerahkan kerakyatan UK atau melepaskan hak politik dalam Persekutuan. Lennox-Boyd melihat penentangan kerajaan Perikatan terhadap dwikerakyatan berpunca daripada salah faham mengenai implikasi dwikerakyatan. Walaupun British tidak mempunyai kuasa perundangan untuk mengenakan tuntutan mereka ke atas perlombagaan baru, British berpegang kepada konsep ‘dwikerakyatan dalam Komanwel’.<sup>52</sup>

Bagi Parti Perikatan, sekiranya British menyerahkan kedaulatan ke atas Pulau Pinang dan Melaka, maka semua hak perlulah diserahkan bersama dengannya.<sup>53</sup> Dua hari selepas Laporan Reid diterbitkan, kerajaan British telah melantik satu Jawatankuasa Kerja yang terdiri daripada empat orang wakil perikatan (Tunku Abdul Rahman, Datuk Abdul Razak, Ong Yoke Lin dan V. T. Sambanthan), tiga wakil kerajaan British (Ketua Setiausaha kepada Kerajaan; Sir David Watherson, Attorney General; T.V.A. Brodie dan setiausaha; E.O. Laird), dan empat wakil raja Melayu (Tuan Haji Mustapha Albakri bin Haji Hassan, Shamsudin Nain, Tunku Ismail bin Tunku Yahya dan Neil Lawson) untuk menyelesaikan perbezaan cadangan Suruhanjaya Reid dan cadangan parti Perikatan. Jawatankuasa Kerja mengkaji cadangan perlombagaan Suruhanjaya Reid dan menghasilkan laporan yang dipersetujui sebagai asas perbincangan dengan Pejabat Tanah Jajahan. Jawatankuasa itu dipengerusikan oleh Pesuruhjaya Tinggi British, Donald MacGillivray dan berfungsi antara 22 Februari dan 27 April 1957.<sup>54</sup>

Dalam mesyuarat pertama Jawatankuasa Kerja pada 22 Februari 1957, parti Perikatan menyuarakan bantahan terhadap cadangan dwikerakyatan dalam Laporan Reid dan menegaskan bahawa seseorang perlu melepaskan kewarganegaraan asing sebelum dia boleh didaftarkan sebagai rakyat Persekutuan Tanah Melayu.<sup>55</sup> MacGillivray memaklumkan mesyuarat itu bahawa kerajaan British menolak cadangan parti Perikatan untuk mengeluarkan peruntukan itu dari perlombagaan. Pejabat Tanah Jajahan akan berpegang kepada kedudukan itu dalam rundingan London.<sup>56</sup> Pejabat Tanah Jajahan yang meneliti Laporan Reid di London berpandangan bahawa bantahan parti Perikatan adalah berdasarkan salah faham dan menolak bantahan berkenaan.<sup>57</sup>

Semasa Jawatankuasa Kerja mengkaji Laporan Reid, ketiga-tiga parti dalam kerajaan Perikatan mengadakan mesyuarat agung antara Mac dan April 1957. Dalam tempoh tersebut, ahli-ahli Jawatankuasa Kerja mengadakan rundingan yang kerap dengan parti mereka. Perundingan dalam Jawatankuasa Kerja adalah berdasarkan keputusan parti-parti kerajaan Perikatan.<sup>58</sup> Pada masa yang sama, Jawatankuasa Kecil Politik Perikatan telah mengadakan empat mesyuarat untuk mempertimbangkan Laporan Reid. Dipengerusikan oleh Dato Abdul Razak, jawatankuasa itu cuba mencari kompromi baru dengan kerajaan British.<sup>59</sup> Dalam

mesyuarat pertama Jawatankuasa Kecil Politik Perikatan, pengerusinya berpendapat memorandum Perikatan tidak cukup jelas. Memorandum Perikatan tidak menyatakan dengan khusus bahawa ‘we do not agree to dual citizenship’ dan ia hanya menyatakan ‘it is essential to have a nationality law which provide for a common nationality, to the exclusion of all others.’<sup>60</sup> Dato Abdul Razak telah menegaskan pendirian kerajaan Perikatan di dalam jawatankuasa itu bahawa mereka tidak akan menerima dwikerakyatan. Memandangkan kerajaan British tidak bersetuju, perkara itu bakal diselesaikan dalam Rundingan London.<sup>61</sup>

Berkenaan kerakyatan Komanwel, Dato Abdul Razak menyatakan ia adalah satu status semata-mata, yang diberikan kepada warganegara Persekutuan kerana Persekutuan merupakan negara ahli Komanwel. Status ini tidak memberikan sebarang kelebihan. Maka, isu dwikewarganegaraan tidak wujud.<sup>62</sup> Jawatankuasa Kecil Politik Perikatan bersetuju bahawa Persekutuan yang merdeka tidak patut memberi hak bertimbang balik kepada CUKC atau rakyat Komanwel lain, sebagai pertukaran untuk apa juar hak yang mungkin diberikan oleh UK atau negara Komanwel yang lain kepada warganegara Persekutuan sebagai rakyat Komanwel. Jawatankuasa Kecil itu juga bersetuju bahawa delegasi Perikatan ke rundingan London tidak patut berganjak dalam isu ini dalam merundingkan kemerdekaan Persekutuan.<sup>63</sup>

Laporan Jawatankuasa Kecil Politik Perikatan dibentangkan kepada Majlis Kebangsaan Parti Perikatan, badan pembuat keputusan tertinggi dalam Perikatan untuk diluluskan pada 5 Mei 1957. Persetujuan Jawatankuasa Kecil itu digunakan sebagai asas perbincangan oleh perwakilan Perikatan dalam Jawatankuasa Kerja. Dato Abdul Razak mengumumkan kepada Majlis Kebangsaan Parti Perikatan bahawa Jawatankuasa Kecil itu telah mencapai persetujuan dalam hampir semua peruntukan kerakyatan kecuali persoalan kerakyatan Komanwel.<sup>64</sup> Dalam laporannya kepada Majlis Kebangsaan Parti Perikatan, Dato Abdul Razak mengumumkan bahawa Jawatankuasa Kecil Politik Perikatan berpegang kepada prinsip satu kerakyatan. Perbincangan lanjut bakal diadakan di London untuk menyelesaikan perbezaan antara prinsip kerakyatan Komanwel dan prinsip satu kerakyatan untuk Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka. Menurut beliau, ‘certain implications of Commonwealth citizenship, involving dual citizenship, will have to be settled in London.’<sup>65</sup>

Dalam rundingan London pada Mei 1957, kerajaan Perikatan dan kerajaan British mencapai konsensus dalam perkara dwikerakyatan. Rundingan London dipengerusikan oleh Setiausaha Negara Tanah Jajahan British, Lennox-Boyd dan dihadiri oleh Pesuruhjaya Tinggi British (Donald MacGillivray), wakil kerajaan Perikatan (Tunku Abdul Rahman, Dato Abdul Razak, Ong Yoke Lin, V.T. Sambanthan), wakil Raja-raja (Mustapha Albakri, Tunku Ismail bin Yahya, Shamsudin din Nain, Dato Panglima Bulit Gantang), peguam negara (TVA Brodie), penasihat undang-undang Raja-raja (Neil Lawson) dan EO Laird serta wakil-wakil kerajaan British.<sup>66</sup>

### **Rundingan London: Kompromi antara Kerajaan Perikatan dan Kerajaan British**

Dalam rundingan London, kerajaan British berpegang kepada prinsip bahawa rakyat setiap negara Komanwel patut menikmati hak lebih luas sebagai ahli keluarga Komanwel dan kerakyatan Komanwel tidak berniat mengalakkan kesetiaan berbelah bahagi. Tunku menjelaskan kesukaran yang dilihat dalam menerima Laporan Reid. Bagi Tunku Abdul Rahman, jika sebahagian rakyatnya boleh mempunyai kerakyatan kedua, mereka akan mempunyai kesetiaan kedua dan keseluruhan konsep kesetiaan akan tergugat. Tambahan pula, definisi kerakyatan Komanwel adalah kurang jelas kepada kerajaan Perikatan. Terdapat kebimbangan bahawa rakyat Komanwel dari negara Komanwel lain mungkin dapat menuntut hak memasuki Persekutuan.<sup>67</sup> Dalam menjawab persoalan delegasi Persekutuan, perwakilan

British menjelaskan bahawa status kerakyatan Komanwel tidak akan menjelaskan kuasa kawalan Persekutuan terhadap kemasukan rakyat Komanwel. Selain itu, Persekutuan berhak memberikan kelebihan kepada rakyat sebuah negara Komanwel tanpa perlu meluaskan kelebihan tersebut kepada rakyat negara asing.<sup>68</sup> Berkennaan dengan kebimbangan bahawa dwikerakyatan akan membawa kepada dwikesetiaan, wakil British menjelaskan terdapatnya perbezaan antara menggunakan hak kerakyatan lain di negara asing dengan di negara Komanwel. Kerakyatan Persekutuan akan dilucutkan jika kerakyatan lain diperoleh tetapi kerakyatan Persekutuan tidak akan dilucutkan hanya kerana seseorang menggunakan haknya sebagai rakyat Komanwel di negara Komanwel yang lain.<sup>69</sup>

Masalah pokok sama ada dwikerakyatan dalam Komanwel selaras dengan kesetiaan mutlak kepada Persekutuan Tanah Melayu akhirnya dapat diselesaikan. Kerajaan Perikatan menunjukkan kesediaannya berkompromi dengan British dan membenarkan penduduk di bekas tanah jajahan British mengekalkan sentimen kepada kuasa kolonial British. Delegasi Persekutuan yang terdiri daripada wakil raja-raja dan Parti Perikatan akhirnya menerima konsep kerakyatan Komanwel memandangkan kerakyatan Komanwel tidak bererti dwikesetiaan. Dalam ucapan Tunku kepada Parlimen pada Julai 1957, Ketua Menteri Persekutuan menerangkan bahawa kerakyatan Komanwel bukanlah bererti dwikesetiaan. Kerajaan Perikatan telah mendesak kerajaan British supaya bersetuju dengan prinsip kesetiaan tidak berbelah bahagi dan dalam hal ini, Persekutuan tidak dapat membezakan negara asing dan negara Komanwel. Status seseorang rakyat Persekutuan yang juga merupakan rakyat negara lain (termasuk CUKC), akan kekal sama selepas kemerdekaan. Sungguhpun dwirakyat Persekutuan tidak perlu melepaskan kerakyatan asing, mereka tidak dibenarkan untuk menggunakan hak kerakyatannya di negara asing. Jika tidak, kerakyatan Persekutuannya akan dilucutkan.<sup>70</sup>

Penduduk Melaka dan Pulau Pinang yang menjadi CUCK sama ada melalui kelahiran, pendaftaran atau naturalisasi akan mengekalkan status tersebut. Dari kaca mata undang-undang British, status seorang CUKC tidak berubah walaupun dia telah memperolehi kerakyatan Persekutuan. Mereka tidak diperlukan untuk melepaskan kerakyatan CUCK demi memperolehi kerakyatan Persekutuan. Ini bererti golongan ini memiliki dwikerakyatan (CUKC dan kerakyatan Persekutuan). Namun, mereka yang dilahirkan pada dan selepas 31 Ogos 1957 tidak lagi memperoleh kerakyatan CUCK melalui tempat kelahiran mereka. Selepas kemerdekaan, Pulau Pinang dan Melaka bukan lagi merupakan sebahagian tanah jajahan Ratu England untuk tujuan undang-undang kewarganegaraan British.<sup>71</sup>

Dasar satu kerakyatan telah dimaktubkan dalam Perlembagaan Persekutuan 1957 dan peruntukan-peruntukan Perlembagaan 1957 mengelakkan kes dwikerakyatan. Perlembagaan Persekutuan 1957 tidak mengenakan keperluan untuk pelepasan dwistatus yang dimiliki semasa kelahiran. Tetapi pemerolehan kerakyatan lain oleh seorang rakyat Persekutuan yang dewasa dan penggunaan hak kerakyatan negara lain merupakan asas pelucutan kerakyatan. Perlembagaan 1957 memperuntukkan bahawa pemerolehan kerakyatan negara lain secara sukarela akan menjadi sebab pelucutan kerakyatan Persekutuan.<sup>72</sup> Di bawah peruntukan perlembagaan, tuntutan dan penggunaan hak eksklusif yang diberikan oleh negara lain kepada rakyatnya menjadi salah satu sebab kelucutan kerakyatan Persekutuan.<sup>73</sup> Rakyat Persekutuan yang menggunakan hak kerakyatan di mana-mana negara Komanwel, yang tidak dinikmati oleh rakyat Komanwel yang lain, juga tertakluk kepada tindakan pelucutan kerakyatan.<sup>74</sup>

### **Dasar Satu Kerakyatan: Pindaan Perlembagaan 1962 dan 1976**

Selepas pencapaian kemerdekaan, kerajaan Persekutuan telah meminda Perlembagaan 1957 untuk mengetatkan pelaksanaan dasar satu kerakyatan. Dua pindaan perlembagaan telah dilakukan pada 1962 dan 1976 bertujuan untuk mengehadkan penggunaan hak rakyat Malaysia di negara-negara asing and di negara-negara Komanwel sejajar dengan prinsip kesetiaan yang tidak berbelah bahagi. Pada Oktober 1962, pindaan perlembagaan dilakukan untuk menambahkan peruntukan-peruntukan baru bagi tujuan pelucutan kerakyatan. Melalui pindaan 1962, definisi penuntutan dan penggunaan hak kerakyatan asing ditakrifkan sebagai mengundi atau memohon pasport di luar Persekutuan. Pindaan 1962 menegaskan bahawa pengundian dalam mana-mana pilihan raya politik di luar Persekutuan dianggap sebagai penuntutan dan penggunaan hak-hak kerakyatan asing. Rakyat Malaysia yang memohon kepada pihak berkuasa asing untuk mengeluarkan atau memperbaharui pasport, atau menggunakan pasport asing sebagai dokumen perjalanan, tertakluk kepada pelucutan taraf kerakyatan.<sup>75</sup>

Pindaan Perlembagaan Persekutuan pada 1962 telah meminda Artikel 24 dalam memperuntukkan pelucutan kerakyatan atas sebab memperolehi kerakyatan asing atau penggunaan hak kerakyatan sesebuah negara asing. Di bawah Artikel 24 (2), seseorang boleh dilucutkan kerakyatannya sekiranya dia secara sukarela telah menuntut dan menggunakan hak di negara asing dan hak berkenaan merupakan hak yang diberikan secara eksklusif kepada rakyat negara asing itu sahaja berdasarkan undang-undang negara berkenaan. Untuk tujuan pelucutan kerakyatan, Artikel 24 (3) menafsirkan penggunaan hak yang diberikan kepada rakyat Komanwel yang tidak diberikan untuk rakyat Komanwel yang lain sebagai penggunaan hak kerakyatan di negara asing yang diberikan secara eksklusif kepada rakyatnya.<sup>76</sup>

Pindaan perlembagaan 1962 memperkenalkan klausu baru (3A) ke dalam Artikel 24 untuk tujuan pelucutan kerakyatan. Di bawah Artikel 24 (3), pengundian dalam pilihan raya politik di tempat di luar Persekutuan dianggap sebagai penggunaan hak di bawah undang-undang tempat berkenaan, tidak kira sama ada undi tersebut dilakukan di tempat itu atau di luarnya. Rakyat Malaysia boleh dilucutkan kerakyatannya sekiranya mereka menggunakan hak mengundi di tempat luar yang secara eksklusif diberikan kepada rakyat tempat berkenaan. Klausu baru itu memperuntukkan bahawa permohonan untuk passport negara lain atau penggunaan pasport negara lain merupakan penggunaan hak yang eksklusif untuk rakyat negara berkenaan berdasarkan undang-undang negara berkenaan dan dengan itu, akan menjadi asas untuk pelucutan kerakyatan Malaysia.<sup>77</sup>

Pindaan perlembagaan 1962 turut menggariskan peruntukan-peruntukan lain untuk pelucutan kerakyatan. Pertama, rakyat yang memperolehi kerakyatan Malaysia secara naturalisasi dan pendaftaran dilarang berkhidmat dengan mana-mana kerajaan asing atau agensi kerajaan asing yang mana jawatan tersebut memerlukan sumpah taat setia. Perkhidmatan dengan kerajaan asing tanpa kebenaran kerajaan Persekutuan merupakan satu asas pelucutan kerakyatan Malaysia. Kedua, penetapan berterusan selama lima tahun di negara-negara di luar Persekutuan (bagi rakyat Malaysia yang memperolehi kerakyatan melalui naturalisasi dan pendaftaran) adalah asas untuk pelucutan kerakyatan kecuali seseorang itu mendaftarkan hasratnya untuk mengekalkan kerakyatan di konsulat pada setiap tahun atau seseorang itu berada di luar negara atas tujuan perkhidmatan dengan kerajaan Persekutuan. Ketiga, perubahan status kerakyatan ibu bapa boleh mengakibatkan kehilangan kerakyatan anak-anak mereka. Anak-anak yang memperoleh kerakyatan melalui pendaftaran di bawah Artikel 15 (2) boleh dilucutkan kerakyatan Malaysia jika 1) ibu bapa mereka

melepaskan kerakyatan Malaysia atau 2) ibubapa mereka telah dilucutkan kerakyatan atas sebab kerakyatan Malaysia diperolehi melalui cara penipuan atau mereka telah memperolehi kerakyatan negara asing.<sup>78</sup>

Pada 1963, dasar satu kerakyatan diaplikasikan ke atas CUKC di Borneo Utara dan Sarawak semasa pembentukan Malaysia. Berbeza dengan CUKC di Persekutuan Tanah Melayu yang mengekalkan dwikerakyatan (CUKC dan kerakyatan Persekutuan) semasa kemerdekaan pada 1957, CUKC di Borneo Utara dan Sarawak tidak dibenarkan untuk mengekalkan status kerakyatan UK mereka. Kerajaan Persekutuan mengehadkan aplikasi konsep ‘dwikerakyatan dalam Komanwel’ kepada CUKC di Borneo Utara dan Sarawak apabila pihak kolonial British menyerahkan kedaulatannya ke atas kedua-dua wilayah berkenaan. Apabila Borneo Utara dan Sarawak mencapai kemerdekaan pada 16 September 1963, penduduk yang memiliki status CUKC perlu memilih antara kerakyatan UK atau kerakyatan Malaysia. Mereka yang memilih untuk kekal sebagai CUKC tidak menjadi rakyat Malaysia pada 16 September. Pembentukan Malaysia tidak menjelaskan status dwikerakyatan CUKC sedia ada di Pulau Pinang dan Melaka.<sup>79</sup>

Kelebihan yang boleh dinikmati oleh golongan dwirakyat ini semakin terhad. Dalam pindaan perlembagaan pada tahun 1976, kerajaan Malaysia menarik balik keistimewaan kerakyatan Komanwel yang sedia ada. Bermula pada 27 Ogos 1976, negara-negara Komanwel telah disamakan dengan negara-negara bukan Komanwel untuk tujuan pelucutan kerakyatan. Penggunaan hak (termasuk hak mengundi) dalam mana-mana negara Komanwel merupakan asas untuk pelucutan kerakyatan Malaysia. Sebelum tahun 1976, perlembagaan membezakan antara negara Komanwel dan negara asing. Pindaan perlembagaan pada tahun 1976 menggantikan istilah ‘negara asing’ dengan ‘mana-mana negara di luar Persekutuan’, dengan berkesannya menyekat penggunaan hak-hak yang diperoleh daripada kerakyatan Komanwel.<sup>80</sup>

Pindaan perlembagaan 1976 ini dilakukan melalui peruntukan Artikel 24 berkenaan dengan pelucutan kerakyatan Malaysia atas sebab memperolehi atau menggunakan hak kerakyatan yang diberi oleh sesebuah negara asing kepada mereka itu.<sup>81</sup> Pindaan Perlembagaan pada 1976 bertujuan untuk memansuhkan perbezaan di antara negara-negara Komanwel dengan negara-negara bukan Komanwel untuk tujuan pelucutan kerakyatan. Pindaan berkenaan menghalang rakyat Malaysia daripada mengambil bahagian dalam aktiviti politik ataupun mengundi di dalam pilihanraya di negara Komanwel ataupun negara-negara lain. Sekiranya rakyat Malaysia di luar Persekutuan mengundi di dalam pilihanraya di UK contohnya, maka rakyat itu boleh dilucutkan kerakyatannya. Status kerakyatan Komanwel tidak lagi mempunyai makna yang besar dengan penamatkan kelebihan yang boleh dinikmati sebelum ini.<sup>82</sup> Melalui pindaan ini, kerajaan Malaysia mengiktiraf semua negara mengikut syarat-syarat yang sama. Negara-negara Komanwel juga dianggap sebagai negara-negara luar Persekutuan (*foreign country*). Ini bertujuan untuk menyamatarafkan status negara-negara yang asing di luar Malaysia. Oleh yang demikian, rakyat Malaysia di luar negara yang terlibat dengan aktiviti yang ditakrifkan sebagai menerima kerakyatan di negara asing dianggap bercanggah dengan peruntukan-peruntukan kewarganegaraan dalam Perlembagaan Malaysia.<sup>83</sup>

### **Pindaan Akta Kewarganegaraan British 1981 dan 2002**

Pada 1981, kerajaan UK memperkenalkan Akta Kewarganegaraan British (BNA) 1981. Melalui BNA 1981, CUKC yang menetap di negara Komanwel (termasuk Malaysia) yang mengekalkan kerakyatan United Kingdom selepas Hari Merdeka diklasifikasikan semula sebagai ‘British Overseas Citizenship’ (BOC). Hak kerakyatan yang boleh dinikmati oleh BOC di UK adalah terhad dan mereka tiada hak untuk memasuki dan menetap di UK. BNA 1981 bertujuan untuk mengurangkan bilangan CUKC yang boleh memperolehi kerakyatan UK dan menuntut hak kerakyatan UK dalam suasana politik UK yang anti-immigrasi. Hanya sebilangan kecil sahaja keturunan BOC yang layak untuk mendapatkan kerakyatan UK melalui peruntukan BNA 1981 yang terhad. Ini adalah kerana dasar kerajaan UK yang bertujuan untuk menyekat imigrasi rakyat Komanwel daripada memasuki UK secara bebas dan menggalakkan keturunan BOC yang sedia ada untuk mendapatkan kerakyatan negara tempatan.<sup>84</sup> Pada 1981, terdapat 1,300,000 CUKC di Malaysia yang memegang kerakyatan Malaysia dan 130,000 CUKC di Malaysia yang tidak memegang kerakyatan lain. CUKC di Pulau Pinang dan Melaka yang mengekalkan status mereka pada Hari Merdeka secara automatik menjadi BOC pada 1 Januari 1983 (tarikh kuatkuasa BNA 1981). Atas dasar satu kerakyatan Malaysia, pengiktirafan status BOC dan penerimaan pasport BOC merupakan asas pelucutan kerakyatan Malaysia. Sementara itu, CUKC di Sabah dan Sarawak yang memilih kerakyatan UK pada Hari Malaysia dikategorikan semula sebagai BOC.<sup>85</sup>

Pemegang pasport BOC layak memohon kerakyatan UK selepas memenuhi syarat-syarat tertentu. Selepas pindaan 2002 kepada BNA 1981, kerajaan UK mengehadkan lagi hak kerakyatan BOC dan tidak lagi menerima permohonan daripada pemegang passport BOC untuk mendapatkan status kerakyatan UK. Pasport BOC tidak lagi melayakkan pemohonnya untuk kerakyatan UK. Pemegang pasport BOC dari Malaysia yang memohon untuk mendapatkan taraf kerakyatan UK pada dan selepas 4 Julai 2002 tidak lagi dipertimbangkan oleh kerajaan UK walaupun mereka telah melepaskan kerakyatan Malaysia dalam proses berkenaan. Kerajaan Malaysia tidak bersedia menerima semula bekas rakyat Malaysia dan tidak memberikan taraf kerakyatan secara automatik kepada BOC yang telah melepaskan kerakyatan Malaysia. Bagi pemegang pasport BOC yang gagal memperolehi kerakyatan UK selepas melepaskan kerakyatan Malaysia, mereka bertaraf ‘tidak bernegara’. <sup>86</sup> Untuk mendapatkan kembali status kerakyatan Malaysia, bekas rakyat Malaysia memerlukan sekurang-kurangnya 17 tahun bagi memastikan mereka menumpahkan taat setia kepada negara.<sup>87</sup>

Dwikerakyatan tidak dibenarkan oleh kerajaan Malaysia. Terdapat seramai 673 rakyat Malaysia (pemegang pasport BOC) telah melepaskan kerakyatan Malaysia untuk kerakyatan UK antara tahun 2005 dan 2013. Masih terdapat rakyat Malaysia yang memohon kerakyatan UK selepas pindaan BNA pada 2002 walaupun kerajaan UK tidak lagi mempertimbangkan permohonan daripada BOC dari Malaysia selepas 4 Julai 2002. Pemohon dimaklumkan untuk melepaskan kerakyatan asal mereka sebelum pemohonan kerakyatan UK dapat diproses. Kekeliruan implementasi BNA 2002, penerimaan nasihat perundungan yang tidak tepat dan pemprosesan pemohonan yang lewat menyebabkan ramai BOC yang menetap di UK kehilangan kerakyatan Malaysia.<sup>88</sup> Golongan tersebut tidak diterima untuk menetap di UK dan tidak diiktiraf semula sebagai rakyat Malaysia. Akibatnya, mereka tidak dapat menetap dan bekerja di kedua-dua negara.<sup>89</sup>

Kedua-dua kerajaan Malaysia dan UK telah mengadakan rundingan untuk menyelesaikan isu pemegang pasport BOC. Kerajaan UK mencadangkan untuk menghantar pulang pemegang passport BOC ke Malaysia, manakala kerajaan Malaysia mencadangkan

pemberian Pas Residen kepada mereka yang terlibat. Bekas rakyat Malaysia boleh memohon Pas Residen semasa berada di UK melalui Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di London. Pas Residen membolehkan mereka menetap secara sah di Malaysia dalam tempoh yang dibenarkan selaras dengan peruntukan Peraturan 16A, Peraturan-Peraturan Imigresen 1963. Mereka dibenarkan pulang ke Malaysia selepas permohonan Pas Residen diluluskan oleh Jabatan Imigresen Malaysia. Sehingga 11 April 2014, hanya terdapat tiga orang pemegang pasport BOC telah diterima pulang oleh kerajaan Malaysia dengan Pas Residen. Status Pas Residen tidaklah setaraf dengan status penduduk tetap atau status kerakyatan. Pemegang Pas Residen perlu melalui proses pemohonan yang sama seperti rakyat asing untuk mendapatkan kembali status kerakyatan mereka. Bekas rakyat Malaysia diletakkan dalam kedudukan yang sama seperti rakyat asing yang mana mereka perlu mengemukakan permohonan Permit Masuk, permohonan taraf Pemastautin Tetap dan seterusnya permohonan taraf kerakyatan. Tiada peruntukan khas yang diberikan kepada bekas rakyat Malaysia untuk memperolehi semula kerakyatan Malaysia.<sup>90</sup> Dasar satu kerakyatan dan prinsip kesetiaan tidak berbelah bahagi kepada negara merupakan asas kepada kerakyatan Persekutuan sejak zaman kemerdekaan lagi.

### Kesimpulan

Perlembagaan Persekutuan 1957 memaktubkan dasar satu kerakyatan walaupun konsep dwikerakyatan dalam Komanwel diiktiraf dalam perlembagaan. Secara teorinya, CUKC dibenarkan untuk mengekalkan status mereka bersama-sama dengan kerakyatan Persekutuan. Namun secara praktiknya, status CUKC hanya kekal sebagai simbolik semata-mata. Kerakyatan Komanwel berdasarkan persetujuan dengan negara ahli dan ia hanya mempunyai fungsi yang terhad. Menurut Karatani, ‘The substantive and functional aspects of Commonwealth citizenship were never acknowledged in any member countries other than Britain.’<sup>91</sup> Dari aspek hak kerakyatan, CUKC yang memegang kerakyatan Persekutuan tidak dapat menggunakan hak melebihi apa yang diberikan oleh negara keduanya kepada rakyat Komanwel (sama seperti apa yang dinikmati oleh rakyat Persekutuan tanpa kerakyatan kedua). Ini bererti hak CUKC dengan dwistatus adalah sama dengan rakyat Persekutuan dengan satu kerakyatan sahaja. Kedua-dua golongan ini menikmati hak yang sama di dalam negara dan luar negara. Dengan mengehadkan penggunaan hak kerakyatan kedua dalam perlembagaan, kerajaan Perikatan menyelesaikan kemelut perlembagaan semasa rundingan kemerdekaan. Melalui pindaan perlembagaan 1962 dan 1976, kerajaan Malaysia secara beransur-ansur telah membekukan penggunaan hak kerakyatan Komanwel. Pihak kerajaan UK juga meminda Akta Kewarganegaraan British pada 1981 dan 2002 untuk mengehadkan hak kerakyatan yang boleh dinikmati oleh bekas rakyat tanah jajahan (dan keturunan mereka) di negara UK sendiri.

---

#### Nota

\* Dr. Low Choo Chin (lowc@usm.my) merupakan Pensyarah di Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia (USM). Beliau memperolehi Ijazah Sarjana daripada USM dan Ijazah Kedoktoran daripada University of Melbourne.

<sup>1</sup> Clive Parry, *Nationality and Citizenship Laws of the Commonwealth and the Republic of Ireland*, Vol 2, London: Stevens & Sons Limited, 1960, pp. 1145 &1157.

<sup>2</sup> Laurie Fransman, *British Nationality Law*, London: Butterworth, 1998, p. 694.

<sup>3</sup> Federation of Malaya, *Report of the Federation of Malaya Constitutional Commission 1957*, Kuala Lumpur: Government Press, 1957, perenggan 54.

- <sup>4</sup> Joseph M. Fernando, *The Making of the Malayan Constitution*, Kuala Lumpur: MBRAS, 2002, p. 176.
- <sup>5</sup> Fransman, *British Nationality Law*, pp. 434-435.
- <sup>6</sup> Lassa Oppenheim, *International Law: A Treatise*. Vol.1, 8th ed (London: Longmas, Green and Co. Ltd, 1995, p.653.
- <sup>7</sup> Clive Parry, *Nationality and Citizenship Laws of the Commonwealth and the Republic of Ireland*, London: Stevens & Sons Limited, 1957, p. 123.
- <sup>8</sup> Cuthbert Joseph, *Nationality and Diplomatic Protection: The Commonwealth of Nations*, Leiden: A.W. Sijthoff, 1969, p. 148.
- <sup>9</sup> Ibid., p. 150.
- <sup>10</sup> Ibid.
- <sup>11</sup> J. Mervyn Jones, *British Nationality Law*, Revised Edition, London: Oxford University Press, 1956, pp. 87-88.
- <sup>12</sup> Rieko Karatani, *Defining British Citizenship: Empire, Commonwealth and Modern Britain*, London: Frank Cass, 2003, pp. 107-108.
- <sup>13</sup> Randall Hansen, *Citizenship and Immigration in Postwar Britain*, New York: Oxford University Press, 2000, p. 17.
- <sup>14</sup> *Report of the Federation of Malaya Constitutional Commission 1957*, perenggan 50.
- <sup>15</sup> Ibid., perenggan 51-53.
- <sup>16</sup> Memorandum by the United Kingdom Government on the position of the Settlement of Penang and Malacca to Constitutional Commission, 1956, perenggan 6, CO 889/4 Arkib Negara Malaysia (ANM).
- <sup>17</sup> PREM 11/2298 Minute no. PREM (56) Mr. Lennox-Boyd to Sir A Eden on the Future of Penang and Malacca, In Anthony J. Stockwell, *Malaya: British Documents on the End of Empire - Part III: The Alliance Route to Independence, 1953-1957*, London: HMSO, 1995, p. 305.
- <sup>18</sup> Letter from Sir D. MacGillivray to J. B. Johnston on controversial issues particularly the future of the Settlement, 21 December 1956, CO 1030/552(1) in Stockwell, *Malaya: British Documents on the End of Empire*, pp. 347-348.
- <sup>19</sup> *Report of the Federation of Malaya Constitutional Commission 1957*, perenggan 1 dan 2.
- <sup>20</sup> Ibid., perenggan 55.
- <sup>21</sup> Ibid., perenggan 4.
- <sup>22</sup> Memorandum by the United Kingdom Government on the position of the Settlement of Penang and Malacca to Constitutional Commission, 1956, perenggan 10, CO 889/4; Note on British Subjects by Ivor Jennings, 2 Oktober 1956, CO 889/2, ANM.
- <sup>23</sup> Citizenship and nationality – Memorandum by the United Kingdom Government, 1956, perenggan 32, CO 889/4, ANM.
- <sup>24</sup> Ibid., perenggan 34.
- <sup>25</sup> Ibid., perenggan 26.
- <sup>26</sup> Ibid., perenggan 33.
- <sup>27</sup> Straits Chinese British Association (SCBA) Malacca Memorandum to Reid Commission, 31 Mei 1956, CO 889/5; SCBA Penang Memorandum, 4 Julai 1956, CO 889/3, ANM.
- <sup>28</sup> Memorandum by Malacca Ceylonese Association, 18 Julai 1956, CO 889/4, ANM.
- <sup>29</sup> Memorandum by the Europeans Domiciled in Malaya Association, 18 Julai 1956, CO 889/4, ANM.
- <sup>30</sup> Parmer J. Norman, “Constitutional Change in Malaya’s Plural Society”, in Paul H. Kratoska (ed.), *South East Asia Colonial History*, London: Routledge, 2001, p. 235.
- <sup>31</sup> Letter from Sir D. MacGillivray to J.B. Johnston on controversial issues particularly the future of the Settlement, 21 December 1956, CO 1030/552(1) in Stockwell, *Malaya: British Documents on the End of Empire*, p. 349.
- <sup>32</sup> Lennox A. Mills, *Malaya: A Political and Economics Appraisal*, Minneapolis: University of Minnesota Press, 1957, p. 102.
- <sup>33</sup> Political Testament of the Alliance: Memorandum to the Reid Constitutional Commission by the Alliance, 27 September 1956, 11, CO 889/6, ANM.
- <sup>34</sup> Ibid., p. 13.
- <sup>35</sup> Hearing of Alliance memorandum, 27 September 1956, CO 889/6, ANM.
- <sup>36</sup> Paul Weis, *Nationality and Stateless in International Law*, Dordrecht: Sijthoff & Noordhoff, 1979, p. 17; Oppenheim, *International Law*, p. 653;
- <sup>37</sup> Hearing of Alliance memorandum, 27 September 1956, CO 889/6, ANM.
- <sup>38</sup> Ibid.
- <sup>39</sup> Summary Record of the 47th meeting, 10 Oktober 1956, CO 889/1, ANM.
- <sup>40</sup> Note on citizenship on persons born in Penang and Malacca by Abdul Hamid, 10 September 1956, 2, CO 889/2, ANM.
- <sup>41</sup> Ibid., p. 3.

- <sup>42</sup> Joseph, *Nationality and Diplomatic Protection*, p. 151.
- <sup>43</sup> Fransman, *British Nationality Law*, p.81.
- <sup>44</sup> Ibid., p.88.
- <sup>45</sup> Richard Plender, *International Migration Law*, Second Edition, Dordrecht: Martinus Nijhoff, 1988, p.22.
- <sup>46</sup> *Report of the Federation of Malaya Constitutional Commission 1957*, perenggan 56.
- <sup>47</sup> Ibid., perenggan 55.
- <sup>48</sup> Ibid., perenggan 56.
- <sup>49</sup> Fernando, *The Making of the Malayan Constitution*, p. 124.
- <sup>50</sup> Note of dissent by Mr. Justice Abdul Hamid, *Report of the Federation of Malaya Constitutional Commission 1957*, pp. 95-96.
- <sup>51</sup> Outward telegram no. 31 from Mr. Lennox-Boyd to Sir D. MacGillivray, 13 Februari 1957, CO 1030/552(6) in Stockwell, *Malaya: British Documents on the End of Empire*, p. 361.
- <sup>52</sup> Memorandum by Mr. Lennox-Boyd for the Cabinet Colonial Policy Committee, 8 Mei 1957, CAB 134/1555, CPC/11(57) in Stockwell, *Malaya: British Documents on the End of Empire*, pp. 377-378.
- <sup>53</sup> K. J. Ratnam, *Communalism and The Political Process in Malaya*, Singapore: University of Malaya Press, 1965, p.98.
- <sup>54</sup> Fernando, *The Making of the Malayan Constitution*, p.149.
- <sup>55</sup> Ibid., p.160.
- <sup>56</sup> Ibid., p.150.
- <sup>57</sup> Ibid., p.161.
- <sup>58</sup> Ibid., p.149.
- <sup>59</sup> Ibid., p.152.
- <sup>60</sup> Minutes of the first Alliance Ad Hoc Political Committee Meeting, 14 Mac 1957, SP 3/A/114 (Surat Persendirian Tun Leong Yew Koh), ANM.
- <sup>61</sup> Minutes of the second Alliance Ad Hoc Political Sub-Committee Meeting, 2 April 1957, SP 3/A/114, ANM .
- <sup>62</sup> Minutes of the fourth Alliance Ad Hoc Political Sub-Committee Meeting, 26 April 1957, SP 3/A/114, ANM.
- <sup>63</sup> Ibid.,
- <sup>64</sup> Fernando, *The Making of the Malayan Constitution*, p.156.
- <sup>65</sup> Minutes of a meeting of the Alliance National Council, 5 Mei 1957, SP 3/A/114, ANM.
- <sup>66</sup> CO summary record FMI(57) of the first plenary session held in Church House, 13 Mei 1957, CO 1030/496(1), in Stockwell, *Malaya: British Documents on the End of Empire*, p. 381.
- <sup>67</sup> Ibid., pp. 383-384.
- <sup>68</sup> Ibid.
- <sup>69</sup> Ibid.
- <sup>70</sup> Federation of Malaya, *Legislative Council Debates Official Report*, ucapan Tunku Abdul Rahman, 10 Julai 1957, p. 2845.
- <sup>71</sup> Parry, *Nationality and Citizenship Laws of the Commonwealth*, pp. 1145 & 1154.
- <sup>72</sup> Perkara 24 (1) Perlombagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957, Federation of Malaya, *Malayan Constitutional Documents*, Kuala Lumpur: The Government Printer, 1958.
- <sup>73</sup> Perkara 24 (2) Perlombagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957.
- <sup>74</sup> Perkara 24 (3) Perlombagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957.
- <sup>75</sup> H. P. Lee, "An Analysis of the Legal Effects of Constitutional Amendments in Malaysia: Part II", *Malaya Law Review*, Vol. 18, No. 1, 1976, p. 86.
- <sup>76</sup> Persekutuan Tanah Melayu, *Penyata Rasmi Parliment (Dewan Rakyat)*, 29 November 1962, p. 4172. <https://www.parlimen.gov.my/files/hindex/pdf/DR-29011962.pdf>
- <sup>77</sup> Ibid., p. 4173.
- <sup>78</sup> H. P. Lee, "An Analysis of the Legal Effects of Constitutional Amendments in Malaysia: Part II", *Malaya Law Review*, Vol. 18, No. 1, 1976, p. 86.
- <sup>79</sup> Fransman, *British Nationality Law*, p. 696.
- <sup>80</sup> Visu Sinnadurai, 'The Citizenship Laws of Malaysia', in Tun Mohamed Suffian, H. P. Lee and F. A. Trindade (eds.) *The Constitution of Malaysia: Its Development, 1957-1977*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1978, p. 85; L. A. Sheridan, *The Constitution of Malaysia*, Singapore: Malayan Law Journal Ltd., 1979, p. 84.
- <sup>81</sup> Persekutuan Malaysia, *Penyata Rasmi Parliment (Dewan Negara)*, 9 Ogos 1976, p. 722. <https://www.parlimen.gov.my/files/hindex/pdf/DN-09081976.pdf>
- <sup>82</sup> Ibid., pp. 735-736.
- <sup>83</sup> Ibid., p. 774.
- <sup>84</sup> Ian A. Macdonald and Nicholas Blake, *The New Nationality Law*, London: Butterworths, 1982, pp. 65-67.
- <sup>85</sup> Fransman, *British Nationality Law*, pp. 694 & 696.
- <sup>86</sup> Kementerian Dalam Negeri, *Kenyataan Media Menteri Dalam Negeri: Isu Pemegang Pasport British*

*Overseas Citizens (BOC)*. 9 Julai 2014. <http://www.kkdn.gov.my/index.php/ms/kenyataan-media-akhtar/1561-kenyataan-media-menteri-dalamnegeri-isu-pemegang-pasport-british-overseas-citizens-boc>

<sup>87</sup> Ibid.

<sup>88</sup> Low Choo Chin, “Rakyat British (BOC) dan Legasi Kolonial di Malaysia”, *JEBAT: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, Vol. 41, No. 2, 2014, p. 51.

<sup>89</sup> Ibid, p. 69.

<sup>90</sup> Kementerian Dalam Negeri, *Kenyataan Media Menteri Dalam Negeri: Isu Pemegang Pasport British Overseas Citizens (BOC)*. 9 Julai 2014.

<sup>91</sup> Karatani, *Defining British Citizenship*, p. 108.

## Rujukan

- Clive, Parry. *Nationality and Citizenship Laws of the Commonwealth and the Republic of Ireland*. London: Stevens & Sons Limited, 1957.
- Clive, Parry. *Nationality and Citizenship Laws of the Commonwealth and the Republic of Ireland*, Vol 2. London: Stevens & Sons Limited, 1960.
- Federation of Malaya. *Report of the Federation of Malaya Constitutional Commission 1957*. Kuala Lumpur: Government Press, 1957.
- Federation of Malaya. *Report of the Proceedings of Legislative Council* (October 1956 – August 1957). Kuala Lumpur: Government Press, 1958.
- Federation of Malaya. *Malayan Constitutional Documents*. Kuala Lumpur: The Government Printer, 1958.
- Fernando, Joseph M. *The Making of the Malayan Constitution*. Kuala Lumpur: MBRAS, 2002.
- Fransman, Laurie. *British Nationality Law*. London: Butterworth, 1998.
- Hansen, Randall. *Citizenship and Immigration in Postwar Britain*. New York: Oxford University Press, 2000.
- Jones, J. Mervyn. *British Nationality Law*, Revised Edition. London: Oxford University Press, 1956.
- Joseph, Cuthbert. *Nationality and Diplomatic Protection: The Commonwealth of Nations*. Leiden: A.W. Sijthoff, 1969.
- Karatani, Rieko. *Defining British Citizenship: Empire, Commonwealth and Modern Britain*. London: Frank Cass, 2003.
- Kementerian Dalam Negeri. *Kenyataan Media Menteri Dalam Negeri: Isu Pemegang Pasport British Overseas Citizens (BOC)*. 9 Julai 2014. <http://www.kkdn.gov.my/index.php/ms/kenyataan-media-akhtar/1561-kenyataan-media-menteri-dalamnegeri-isu-pemegang-pasport-british-overseas-citizens-boc>
- Low, Choo Chin, “Rakyat British (BOC) dan Legasi Kolonial di Malaysia.” *JEBAT: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* 41, no. 2 (2014): 50-79.
- Lee, H. P. “An Analysis of the Legal Effects of Constitutional Amendments in Malaysia: Part II”, *Malaya Law Review* 18, no. 1 (1976): 75-124.
- Macdonald, Ian A. and Nicholas Blake. *The New Nationality Law*. London: Butterworths, 1982.
- Mills, Lennox A. *Malaya: A Political and Economics Appraisal*. Minneapolis: University of Minnesota Press, 1957.
- Norman, Parmer J. “Constitutional Change in Malaya’s Plural Society”, in Paul H. Kratoska (ed.), *South East Asia Colonial History*. London: Routledge, 2001.
- Oppenheim, Lassa. *International Law: A Treatise*, Vol.1, Eighth Edition. London: Longmas, Green and Co. Ltd. 1995.
- Persekutuan Tanah Melayu. *Penyata Rasmi Parlimen (Dewan Rakyat)*, 29 November 1962.

- https://www.parlimen.gov.my/files/hindex/pdf/DR-29011962.pdf  
Persekutuan Malaysia. *Penyata Rasmi Parlimen (Dewan Negara)*, 9 Ogos 1976.  
https://www.parlimen.gov.my/files/hindex/pdf/DN-09081976.pdf
- Plender, Richard. *International Migration Law*, Second Edition. Dordrecht: Martinus Nijhoff, 1988.
- Ratnam, K. J. *Communalism and The Political Process in Malaya*. Singapore: University of Malaya Press, 1965.
- Sheridan, L. A. *The Constitution of Malaysia*. Singapore: Malayan Law Journal Ltd., 1979.
- Sinnadurai, Visu. "The Citizenship Laws of Malaysia" in Tun Mohamed Suffian, H. P. Lee and F. A. Trindade (eds.) *The Constitution of Malaysia: Its Development, 1957-1977*. Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1978.
- Stockwell, Anthony J. *Malaya: British Documents on the End of Empire - Part III: The Alliance Route to Independence, 1953-1957*. London: HMSO, 1995.
- Weis, Paul. *Nationality and Stateless in International Law*. Dordrecht: Sijthoff & Noordhoff, 1979.